

# UTAR raih dua hadiah utama

Oleh Serimah  
Mohd Sallehuddin  
[serima@bharian.com.my](mailto:serima@bharian.com.my)

Kisah hobi bela burung menang Anugerah Perdana pada Festival Filem & Video Pelajar Malaysia ke-6

**Oleh Serimah  
Mohd Sallehuddin**

[serima@bharian.com.my](mailto:serima@bharian.com.my)

**F**ESTIVAL Filem & Video Pelajar Malaysia ke- 6 (FFVM) yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini dimonopoli Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) apabila membolot dua hadiah utama iaitu Anugerah Perdana dan Anugerah Cipta.

Anugerah Perdana dimenangi oleh Quek Shio Chuan, 22 yang menyertakan dokumentari mengenai hobi membela burung yang semakin dilupakan berjudul *Witty Wing*. Sebagai pemenang Anugerah Perdana ini, penuntut UTAR itu diberi tempoh selama sebulan untuk menyiapkan penggambaran berdasarkan kertas kerja yang dibentang pada sesi pitching.

Selain hadiah utama, *Witty Wing* turut memenangi dua lagi kategori untuk dokumentari yang sama iaitu Suntingan Terbaik dan Pengarah Terbaik.

Sementara itu, cerita pendek mengisahkan masalah keganasan rumah tangga bertajuk *The Last Exit* karya Chin Fui Hian dipilih memenangi kategori Anugerah Cipta. Malahan *The Last Exit* turut menggondol lima anugerah lain iaitu Sinematografi Terbaik, Suntingan Terbaik, Penataan Bunyi Terbaik, Pengarah Terbaik dan Produksi Terbaik.

Quek, pelajar tahun tiga dalam bidang penyiaran di UTAR berkata, dia memasang impian untuk menang tetapi tidak meletakkan harapan yang tinggi dalam festival ini.

Katanya, bagi menghasilkan karya yang memuaskan, dia bersama enam orang

rakannya berkerja keras melakukan kajian serta penggambaran mengenai hobi membela burung.

Penggambaran dokumentari yang berkisar mengenai hobi membela burung murai

batu itu dilakukan di sekitar Endau, Pahang bagi segmen penangkapan burung. Sementara untuk segmen pertandingan seni suara burung pula, penggambaran dijalankan di Batu Pahat,



MOHD MAHYIDIN menyampaikan kamera dan trofi kepada Quek.

Johor.

"Saya ingin menyingkap hobi ini yang kian dilupakan kalangan masyarakat kita disebabkan tempias arus permodenan."

"Saya memang tidak jangka akan menang kerana penyertaan cukup sengit. Lagi pun ini adalah penyertaan pertama saya, tapi tak sangka *Witty Wing* berjaya mengalahkan karya dari universiti lain. Saya berminat dalam dunia pengarahan dan berharap satu hari nanti dapat membuka sebuah syarikat produksi," katanya.

### ***The Last Exit* kisah benar**

KISAH keganasan rumah tangga yang disentuh Chin Fui Hian pula datang daripada pengalaman hidupnya sendiri. Belajar dalam bidang yang sama dengan Quek, Chin berkata, *The Last Exit* disampaikan dalam teknik imbas kembali serta penggunaan warna hitam putih mungkin menjadikan video pendeknya nampak menarik.

"*The Last Exit* adalah sebuah kisah yang membongkar isu keganasan rumah tangga. Tujuan saya adalah untuk menyedarkan masyarakat mengenai hal ini supaya

***“Saya memang tidak jangka akan menang kerana penyertaan cukup sengit. Lagi pun ini adalah penyertaan pertama saya, tapi tak sangka *Witty Wing* berjaya mengalahkan karya dari universiti lain. Saya berminat dalam dunia pengarahan dan berharap satu hari nanti dapat membuka sebuah syarikat produksi”***

***Quek Shio Chuan***

Pemenang  
Anugerah Perdana

mereka dapat mengelakkan kejadian ini daripada berlaku ke atas mereka," katanya yang ingin bekerjasama dengan Quek satu hari nanti.

Selain UTAR, universiti lain yang turut serta dalam festival ini ialah Universiti Lim Kok

Wing, Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Melaka, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Institut Media Intergratif Malaysia (MIIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Kolej Yayasan Melaka.

Hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Finas, Mohd Mahyidin Mustakim, dua seniman veteran, Tan Sri Jins Shamsudin dan Datuk Mustapha Maarof, Pengarah Eksekutif Tayangan Unggu Sdn Bhd, Tengku Datuk Anuar Mussaddad dan Presiden Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM), Ahmad Puad Onah.

Sementara artis popular tanah air yang menyerikan FFVPM ke-6 ialah Datuk Aziz Sattar, Shaharuddin Thamby, Vanidah Imran, Hans Issac, Eja, Ellie Suriati, Lyana Jasmay dan Pierre Andre.

Acara pada malam itu juga turut diserikan dengan persembahan hiburan daripada penyanyi veteran Datuk Ahmad Jais dan bekas pelajar Akademi Fantasia 3, Amylea.



QUEK (lima dari kiri) dan Chin (empat dari kiri) ceria di samping tenaga produksi yang terbabit dalam Witty Wing dan The Last Exit.